

# **Kertas Bil. 15/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH  
SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW WATER  
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF  
SELANGOR- JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERHUBUNG PERLAKSANAAN PROJEK  
HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION SYSTEM  
(HORAS)600**

---



Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung "Perlaksanaan Projek Hybrid off River Augmentation System (HORAS) 600".

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1. JPK-SAM telah mengadakan pendengaran tertutup pada 21hb Januari 2015 dan 11hb Februari 2015 dan lawatan pada 29hb Januari untuk mengenal pasti status pembinaan HORAS 600.
- 1.2. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana ini penting untuk memastikan sumber air mentah di Negeri Selangor mencukupi di Negeri Selangor.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang masalah yang berkaitan dengan pengurusan sumber air mentah yang berlaku di dalam negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAM untuk memastikan sebarang projek mitigasi dan sebagainya yang berkaitan dengan sumber air di Selangor siap sepertimana dilaporkan oleh ahli MMKN semasa sidang Dewan Negeri berlangsung.
- 2.2. Oleh itu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) telah dipanggil untuk menerangkan status terkini projek HORAS 600 untuk ahli jawatankuasa menyiasat keberkesanan sistem ini dan lawatan tapak juga dibuat.

## **3. AHLI JAWATANKUASA**

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin  
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah  
ADN Bangi
- 3.3. Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam  
ADN Seri Andalas
- 3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
ADN Bukit Gasing

3.5. Y.B. Tuan Idris bin Ahmad  
ADN Ijok

3.6. Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
ADN Permatang

3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
ADN Bukit Melawati

#### **4. SAKSI-SAKSI**

4.1. Senarai nama saksi-saksi yang hadir pada 21hb Januari 2015 dan 11hb Februari 2015 adalah seperti mana dalam Lampiran I.

#### **5. STATUS TERKINI PROJEK HORAS 600**

5.1. Penerangan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) semasa Lawatan di tapak HORAS 600 oleh Jawatankuasa pada 29hb Januari 2015:

##### **5.1.1. Garis Masa**

5.1.1.1. Fasa 1 dan 2 yang bermula pada April 2014 dijangka akan siap pada September 2015.

5.1.1.2. Fasa 3 dijangkakan siap pada akhir 2017.

5.1.2. Apabila siap nanti Fasa 1 dan 2 hanya boleh membekalkan jumlah air sebanyak 150 JLH.

5.1.3. Simpanan maksimum kolam HORAS 600 adalah 30 juta meter kubik (17.5% saiz Empangan Sungai Selangor).

5.1.4. Fasa 3 Projek HORAS 600 tidak dapat dimulakan kerana proses pengambilan tanah di Pejabat Tanah masih belum selesai. Sekiranya urusan di Pejabat Tanah selesai cepat, maka Fasa 3 boleh disiapkan pada pertengahan tahun 2016, dan kerja-kerja percantikkan boleh siap pada akhir 2017.

5.1.5. Kos keseluruhan projek untuk KSSB ialah RM 119.4 juta, dan pendapatan dijangka RM 162.9 juta dan keuntungan yang dijangka dalam tempoh 4 tahun ialah RM 41.4 juta untuk KSSB (Lampiran II menunjukkan penyata kewangan KSSB untuk Projek HORAS).

5.1.6. Menurut KSSB, Kerajaan Negeri akan mendapat penjimatan kos pembinaan kolam RM 502.3 juta dan tambahan kutipan royalti RM12.8 juta.

## 6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1. Secara keseluruhan, KSSB akan dijangka mendapat keuntungan RM 41.4 juta manakala Kerajaan Negeri mendapat nilai sebanyak RM 515.1 juta dengan projek HORAS.

6.2. Jawatankuasa mendapati bahawa pada bulan September 2015, Fasa 1 dan 2 akan siap dan ianya adalah kolam yang kosong (kerana kekurangan air bawah tanah).

6.3. Kolam kosong ini akan disi dengan air hujan dan air yang berlebihan dari Sungai Selangor selepas September 2015. Jawantakuasa tidak pasti berapa lama akan diambil untuk mengisi sepenuhnya kolam tersebut.

6.4. Oleh itu, Jawatankuasa berpendapat bahawa HORAS 600 tidak akan memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah kekurangan air pada musim kering tahun 2015.

6.5. Terdapat kekeliruan kadar pengeluaran sebenar HORAS 600, Jawatankuasa mendapat jawapan berbeza dari pihak yang berbeza – 150 JLH, 300 JLH ataupun 600 JLH.

6.6. Jawatankuasa mendapati bahawa terdapat masalah-masalah seperti berikut di HORAS 600:

6.6.1. Isu pengambilalihan tanah oleh Kerajaan Negeri di tahap Pejabat Tanah yang boleh menangguhkan perlaksanaan Fasa 3.

6.6.2. Kerja-kerja pengorekan untuk HORAS 600 tidak diberikan keutamaan berbanding dengan penjualan stok pasir disebabkan kekurangan tanah untuk simpanan stok pasir.

## 7. SARANAN JAWATANKUASA

7.1. Kerajaan Negeri hendaklah mengenalpasti kadar pengeluaran HORAS 600 (150/300/600 JLH) supaya kerja-kerja pam boleh dirancang mengikut kadar pengeluaran yang ditetapkan oleh kerajaan.

- 7.2. Kerajaan Negeri boleh mempercepatkan projek HORAS 600 dengan membekalkan lebih tanah untuk simpanan stok pasir (supaya kadar pengeluaran pasir tidak bergantung kepada kadar penjualan pasir).
- 7.3. Kerajaan Negeri hendaklah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses pengambilalihan tanah di Pejabat Tanah supaya Fasa 3 Projek HORAS 600 tidak tertangguh.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B Puan Yeo Bee Yin, Pengerusi Jawatankuasa JPK-SAM, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa JPK-SAM di mesyuarat Jawatankuasa pada 5hb Mac 2015.

Disahkan oleh :



Y.B. Puan Yeo Bee Yin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Negeri Selangor.

**URUS SETIA:**

- |  |                                |
|--|--------------------------------|
| 1. Pn Elya Marini binti Darmln         | Setiausaha Bahagian Dewan/MMKN |
| 2. En Mohd Khairul Ashraff bin Radzali | Ketua Penolong Setiausaha      |
| 3. Encik Jurasmaidi bin Pauzi          | Penolong Setiausaha            |
| 4. Cik Azira binti Aziz                | Penyelidik Kanan               |
| 5. Puan Noor Hafiza binti Ishak        | Penolong Pegawai Tadbir        |

LAMPIRAN I : SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

Bil. 3/2015

Tarikh : 21 Januari 2015 (Rabu)  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Mesyuarat MTES  
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS

Jabatan yang dijemput:

Seksyen Makro DanPenswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

1. Encik Nor Azmie bin Diron  
(Timbalan Pengarah)
2. Puan Mazidah binti Ahmad Ramli  
(Ketua Penolong Pengarah)
3. Encik Mohd Muktafi bin Sarpan  
(Penolong Pengarah)

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor

1. Encik Roslan bin Shamsuddin  
(Jurutera Daerah)
2. Encik Zainudin bin Ali  
(Penolong Pengarah (Banjir))
3. Encik Khairul Adzim bin Saadon  
(Penolong Pengarah (Sungai))

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

1. Tuan Haji Md Khairi bin Selamat
2. Encik Ishak bin Kamaruzzaman  
(Pegawai Penerangan)
3. Puan Norfazilah bin Shaharudin  
(Pegawai Undang-undang)

Syarikat Pengeluar Air Selangor (SPLASH)

1. Puan Sharifah Alauyah binti Wan Othman  
(Pengurus Besar)
2. Encik Mohd Hafiz bin Md Yunus  
(Pengurus Operasi)
3. Encik Azman bin Abdul Aziz  
(Pengurus Loji SSP3, Bukit Badong)

4. Encik Noorazlan bin Mesuan  
(Pengurus Loji SSP3, Rasa)
5. Encik Mohd Zaki Al-Hassan bin Mohamed Amran  
(Pengurus Loji SSP1)

**Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor**

1. Encik Khairy bin Yeob
2. Encik Mansor bin Abd Ghani
3. Encik Mohamed Asari bin daud
4. Encik Mohamad Sarbani bin Che Noh
5. Encik Mohamad Yazid bin Selamat
6. Encik Abdul Karim bin Endut

LAMPIRAN IA : SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

Bil. 4/2015

**Tarikh** : **11 Februari 2015 (Rabu)**  
**Masa** : **2.30 petang**  
**Tempat** : **Bilik Mesyuarat MTES**  
**Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS**

**Jabatan yang dijemput:**

**Pejabat YB EXCO**

1. JLH.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib  
(Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani)
2. Encik Mohd Adram bin Musa  
(Pegawai Penasihat Dasar)

**Seksyen Makro DanPenswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

1. Encik Mohd Muktafi bin Sarpan  
(Penolong Pengarah)
2. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din  
(Penolong Pengarah)

**Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor**

1. Encik Khairy bin Yeob
2. Encik Mansor bin Abd Ghani
3. Encik Mohamed Asari bin Daud
4. Encik Mohamad Sarbani bin Che Noh
5. Encik Mohamad Yazid bin Selamat

**Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**

1. Tuan Haji Md Khairi bin Selamat  
(Pengarah)

**Indah Water Konsortium Sdn. Bhd**

1. Encik Zakariah bin Mohd Yassin  
(Senior Manager)
2. Encik Manirajah  
(Trek Manager)

Lampiran II : Jadual Keuntungan/Kerugian KSSB untuk Projek HORAS 600

TAHUN	UNJURAN			JUMLAH BESAR
	2014	2015	2016	
PERKARA	KUANTITI (MT)	KUANTITI (MT)	KUANTITI (MT)	KUANTITI (MT)
Jumlah pasir dikorak	2,915,831	2,000,000	2,150,000	7,065,831
Jumlah pasir tidak dapat dijual	922,084	200,000	350,000	
Jumlah pasir dijual	1,993,747	1,800,000	1,800,000	7,065,831
<b>JUMLAH JUALAN (RM)</b>	<b>46,860,407</b>	<b>41,400,000</b>	<b>41,400,000</b>	<b>33,857,932</b>
Kos atas pasir dijual (RM)	1,993,747	34,860,407	1,800,000	31,472,766
Kos atas pasir tidak dapat dijual	922,084	13,384,016	200,000	3,000,000
				350,000
<b>JUMLAH KOS (RM)</b>	<b>48,244,423</b>	<b>34,472,766</b>	<b></b>	<b>36,722,766</b>
<b>JUMLAH KEUNTUNGAN/KERUGIAN (RM)</b>	<b>-2,020,820</b>	<b>6,927,234</b>	<b>4,677,234</b>	<b>33,857,932</b>
				<b>41,441,580</b>

